

10/06/1997

Pusat haemodialisis Mawar terima pesakit

SEREMBAN, Isnin - Pusat Haemodialisis Mawar di Jalan Rasah di sini, hari ini, menerima dua pesakit buah pinggang untuk menerima rawatan sejak dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 24 Februari lalu.

Timbalan Pengerusi pusat itu, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, berkata pesakit berkenaan adalah Pun Piang Yoon, 42, dan Lim See Nooi, 46, dari Titi, Jelevu dan Seremban.

Katanya, mereka dipilih Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jawatankuasa Perubatan pusat itu.

"Pusat ini juga menawarkan perkhidmatan kepada 14 pesakit lain dan sedang menunggu jawapan mereka," katanya di sini, hari ini.

Dr Yeow yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), berkata, pusat itu kini dilengkapi 15 mesin haemodialisis yang berharga kira-kira RM1 juta.

Beliau berkata, pesakit buah pinggang boleh memohon mendapatkan rawatan, tetapi hanya diterima dengan sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jawatankuasa Perubatan pusat itu.

Pusat haemodialisis berharga RM6juta itu hanya mengenakan bayaran RM70 bagi setiap rawatan.

Menurut Dr Yeow, bilangan mesin haemodialisis akan ditambah menjadi 100 buah dan ada cadangan membuka pusat cawangan yang dilengkapi empat mesin haemodialisis di setiap daerah negeri ini.

(END)